



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	26/10/2018	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	KATS / YBM / JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Lembah Kinta dimasyhur Geopark Kebangsaan

IPOH 25 Okt. - Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah hari ini berkenan memasyhurkan Geopark Lembah Kinta sebagai Geopark Kebangsaan.

Turut berangkat ke majlis di Taman Rekreasi Gunung Lang di sini, Raja Permaisuri Perak, Tunku Zara Salim; Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa serta Raja DiHilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris Shah.

Yang hadir sama, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. A. Xavier Jayakumar dan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan negeri, Tan Kar Hing.

Kawasan Geopark Lembah Kinta berkeluasan 1,952 hektar merangkumi daerah Kinta dan Kampar kini diletakkan di bawah pengurusan dan pemantauan Perbadanan Taman Negeri Perak dan diwartakan sebagai Geopark Kebangsaan pada tahun lepas.

Kawasan Geopark Lembah Kinta yang kaya dengan warisan geologi, biologi, warisan dan sejarah di bawah seliaan perbadanan juga akan diperkenalkan sebagai ikon destinasi ekopelancongan, pelancongan marin dan *geotourism*.

Terdahulu, Xavier dalam ucapannya berkata, kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM10.7 juta dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) untuk Projek Penilaian Potensi Pembangunan Geopark untuk Pengekalan dan Pemuliharaan Sumber Semulajadi Negara.

Beliau berkata, daripada jumlah tersebut, sebanyak RM276,000 disalurkan kepada Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Perak sejak 2017 bagi pelaksanaan kajian dan penyelidikan yang lengkap dan terperinci dari aspek geologi.

Selain itu, katanya, seba-

nyak RM1.592 juta peruntukan disalurkan oleh kerajaan negeri Perak kepada JMG Perak sejak 2014 sehingga tahun lepas.

"Ini menunjukkan komitmen jitu kerajaan negeri dalam memelihara khazanah warisan alam dan budaya setempat seterusnya boleh diusahakan secara lestari melalui aktiviti ekopelancongan.

"Kementerian sebagai Jawatankuasa Geopark Kebangsaan sentiasa bersedia memberi bantuan dan kerjasama serta sokongan padu kepada kerajaan-kerajaan negeri dalam agenda mewujudkan Geopark Kebangsaan," katanya.

Justeru itu, Xavier berkata, pengiktirafan Geopark Lembah Kinta sebagai Geopark Kebangsaan akan merancakkan lagi rangkaian ekopelancongan sedia ada sekali gus menaikkan imej negeri dan negara. -BERNAMA